

91
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKHTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN - BN]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam memastikan belia-belia dapat menjauhi diri dari masalah-masalah sosial seperti tabiat melepak, vandalisme, pergaduhan, ketagihan arak dan penagihan dadah dan apakah perancangan ataupun program pihak Kementerian dalam membantu belia-belia yang telah didapati terjebak dengan masalah-masalah sosial tersebut.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang diminati oleh belia bagi menarik minat mereka untuk menyertai program-program yang disediakan. Pelaksanaan Sukan Untuk Semua merupakan satu platform yang mampu mengatasi masalah sosial serta meningkatkan penglibatan belia di pelbagai peringkat sebagai salah satu gaya hidup sihat. Antara program yang disediakan adalah program sukan kecergasan, sukan permotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem, dan sukan rakyat / massa.
2. KBS juga telah merangka pelbagai aktiviti sukan melalui penglibatan pihak NGO setempat bagi melibatkan lebih ramai belia mengikuti aktiviti Sukan Untuk Semua. Sebagai contoh aktiviti Hari Sukan Negara, FitMalaysia@hotspot dan Liga Sukan untuk Semua (LiSUS) yang dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri anjuran Kementerian turut melibatkan penyertaan sehingga ke peringkat akar umbi.
3. Selain itu, KBS juga telah merancang dan melaksanakan program-program yang bermanfaat bagi mengisi masa lapang anak muda di samping membentuk karektor positif dalam kalangan mereka yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun. Program Rakan Muda yang dilaksanakan dapat membantu menjauhi anak muda daripada terjebak dengan masalah sosial dan menjadikan mereka sebagai modal insan negara. Melalui program Rakan Muda,

93

SULIT

pelbagai bidang yang diterokai seperti penyerlahan bakat, potensi diri, kesukarelaan, kepimpinan, jati diri, patriotisme dan lain-lain. Contoh program Rakan Muda yang dilaksanakan adalah seperti Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, MyCorps, Rakan Muda IPT, khidmat komuniti serta Kelab Rakan Muda.

4. Selain daripada itu, KBS juga sedang melaksanakan pelbagai program pembangunan sendiri belia secara holistik selain dapat mengisi masa lapang. Antara program berkenaan ialah program kepimpinan dan pembangunan sahsiah, keusahawanan, kemahiran dan program antarabangsa. Penglibatan belia dalam program ini dapat sendiri belia, dengan ini secara tidak langsung mereka tidak terlibat dalam masalah sosial berkenaan.

Sekian, terima kasih.